



## **SIARAN AKHBAR PRESS STATEMENT**

**S.A 2017/01/01 (HQ)**

### **VIRAL PALSU: TIADA LIMPAPAN DI EMPANGAN PERGAU**

Dakwaan di media sosial berlaku limpahan air takungan dari Empangan Hidroelektrik Pergau adalah tidak benar, kata Ketua Pegawai Korporat Tenaga Nasional Berhad Datuk Wira Roslan Ab Rahman.

"Kami ingin menjelaskan bahawa walaupun paras air di empangan tersebut meningkat akibat taburan hujan yang tinggi di negeri Kelantan sekarang, ianya masih belum mencecah tahap limpahan."

Menurutnya sehingga jam 3:00 petang ini, air di empangan berkenaan keluar secara terkawal seperti kebiasaannya untuk tujuan penjanaan.

"Empangan Pergau juga tiada perkaitan dengan Empangan Sukirin, Narathiwat, Thailand seperti yang ditularkan (diviralkan) di media sosial.

"Orang ramai dinasihatkan supaya sentiasa berhati-hati dalam menyebarkan sebarang berita dan perlu memastikan kesahihan berita itu sebelum ditularkan," katanya lagi

**Dikeluarkan di Kuala Lumpur pada jam 4:00 petang, 2 Januari 2017**

*Untuk sebarang pertanyaan media, sila hubungi Nor Hanim Idris (019-2617617) /  
Teng Yoon Soon (019-2931228) / Norfadzilah Sha'ary (019-3369681) /  
Puti Mazlina Mashudi (013-3642727) / Mohd Syafiq Khairul Salleh (013-3432346)  
[media@tnb.com.my](mailto:media@tnb.com.my)*